



## PROGRAM 7 PILLARS:

Oleh: Azilawati Suanda

# KURSUS KEMAHIRAN KOMUNIKASI 2008

**Pada 18 dan 19 Oktober 2008 bertempat di Pusat Kejuruteraan Automart, Kuala Perlis telah berlangsung Kursus Kemahiran Komunikasi yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwat Pelajar & Alumni dan Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan (PKKK).**

Penganjuran kursus ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar tentang elemen-elemen utama yang dapat menjadikan seseorang itu dapat berkomunikasi dengan berkesan. Selain itu, kursus ini juga akan memaparkan jenis-jenis kemahiran komunikasi yang menjadi asas kepada kejayaan sesuatu hubungan antara manusia yang amat diperlukan jika mahu mahasiswa itu menjadi insan yang berkesan dan berjaya sebagai individu, pekerja, usahawan serta pemimpin. Kursus ini juga memberi peluang kepada para pelajar merasai sendiri pengalaman berkomunikasi secara sedar dan mengenalpasti kekurangan diri dalam aspek berkomunikasi secara berkesan melalui kaedah simulasi.

Kursus ini melibatkan pelajar-pelajar tahun akhir seramai 762 orang dimana mereka akan berdepan dengan alam pekerjaan dan memerlukan beberapa kemahiran dalam bertutur supaya mereka lebih berketerampilan dan berkeyakinan di masa hadapan. Program ini telah dirasmikan oleh Dekan Pusat Kemahiran Komunikasi, Tuan Haji Huzili Hussin. Program kali ini telah membawa beberapa penceramah-penceramah yang berpengalaman seperti Tuan Asmawi Tuan Umar (Penyampai Televisyen dan Radio) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, En. Ishak Abdul Hamid Pensyarah, Jabatan Komunikasi Universiti Putra Malaysia dan En. Abdul Basid Ramli Pengurus Advanced Materials Research Centre (AMREC), Sirim Berhad. Mereka telah menyampaikan beberapa slot ceramah yang banyak memberi maklumat berkenaan cara-cara berkomunikasi yang berkesan. Diantara tajuk-tajuk ceramah yang telah disampaikan adalah seperti Kemahiran Komunikasi Tekno-Korporat, Pengucapan Awam dan Ketrampilan Diri.

Dengan penganjuran program seperti ini, diharap pelajar-pelajar UniMAP dapat mempelajari sesuatu yang bermanfaat untuk diguna pakai ketika mereka berada di alam pekerjaan nanti.